

29/06/2002

Ting bimbang masalah disiplin dalam parti

KUALA LUMPUR, Jumaat - Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, melahirkan kebimbangannya terhadap masalah disiplin dalam MCA, yang beliau sifatkan sebagai semakin longgar, sehingga ada ahli yang sanggup mengkritik dan memalukan pemimpin secara terbuka.

Malah kata beliau, ada ahli yang sanggup membantah keputusan parti, walaupun mereka sendiri sedar bahawa perkara berkaitan telah dipersetujui dalam mesyuarat parti.

Beliau berkata, pucuk pimpinan MCA tidak akan membiarkan sekumpulan kecil ahli bertindak sesuka hati melanggar disiplin parti, kerana ia boleh merosakkan imej parti.

Justeru, beliau meminta Jawatankuasa Disiplin MCA supaya tidak bertolak ansur dengan ahli sedemikian, sebaliknya mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana ahli yang bertindak memalukan pemimpin secara terbuka.

"Saya benar-benar kecewa kerana selain projek Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), MCA tidak ada banyak pencapaian besar lain yang boleh dibanggakan oleh parti dan ahli.

"Dalam keadaan begitu pun, masih berlaku konflik dalaman parti yang sengaja diperbesar-besarkan untuk menjejaskan imej MCA, gara-gara ada segelintir ahli yang tidak berdisiplin.

"Kita perlu menangani segera masalah disiplin dalam parti dan meningkatkan moral ahli bagi menaikkan semula imej parti," katanya dalam ucapan ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Wanita MCA di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Tiada pemilihan pada perhimpunan wanita kali ini berikutan dua kumpulan yang bertelagah dalam MCA sebelum ini bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan pusat sehingga 2005, sejajar dengan pelan damai yang dicadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mengakhiri kemelut dalam kepemimpinan MCA.

Pada sidang media selepas itu, Ting menjelaskan walaupun masalah disiplin diakui berlaku dalam MCA, namun ia belum sampai ke tahap yang boleh menghancurkan parti.

Katanya, dalam mana-mana parti sekalipun ada masalah disiplin membabitkan sebilangan kecil ahlinya, tetapi asalkan ada tindakan tegas diambil untuk membendungkannya, ia tidak akan sampai ke tahap yang boleh merosakkan parti.

"Disiplin amat penting kerana ia adalah asas kekuatan sesebuah parti dan pergolakan yang berlaku dalam MCA kebelakangan ini menunjukkan ada sebilangan kecil ahli parti yang tidak mengambil berat soal disiplin sehingga sanggup membuat kenyataan dan membincangkan isu parti di luar saluran parti.

"Bagi saya, ini tidak wajar dilakukan. Apa juga masalah yang berkaitan parti boleh dibincangkan dalam parti dan tidak perlu untuk kita membuat kenyataan umum bagi mengkritik seseorang pemimpin. Itu bukan budaya MCA," katanya.

Ditanya apakah MCA mengenal pasti ahli-ahli yang melanggar disiplin sehingga menimbulkan krisis dalaman kepada parti itu, beliau berkata, perkara itu terserah kepada Jawatankuasa Disiplin menentukannya.

Sementara itu, ketika menyentuh isu pendidikan dalam ucapannya, Ting berkata, perdebatan mengenai isu pendidikan di kalangan ahli politik yang mewakili pelbagai kaum acap kali berbau perkauman, terutama bila ia membabitkan isu meritokrasi atau kuota kemasukan ke universiti atau yang

berkaitan Sekolah Wawasan.

"Keadaan ini menyebabkan timbul kritikan umum bahawa ahli-ahli politik di Malaysia masih dibelenggu politik perkauman yang boleh menghalang pembangunan negara," katanya sambil menambah isu pendidikan tidak seharusnya dipolitikkan.

Namun kata beliau, kerajaan telah melaksanakan dasar pendidikan liberal yang selari dengan aliran globalisasi, iaitu dasar yang memberi peluang pendidikan kepada semua warga Malaysia, tanpa mengira kaum, ke arah mengukuhkan perpaduan dan membawa kepada kemakmuran negara.

Diminta mengulas lanjut ucapannya mengenai isu pendidikan selepas itu, Ting bagaimanapun berkata: "Tidak ada komen lanjut. Ucapan saya sudah jelas. Ia adalah pendapat seorang setiausaha agung sebuah parti."

Menyentuh pelan damai MCA, beliau berkata pelan yang diilhamkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu berjaya meredakan krisis dalaman parti itu, sekurang-kurangnya untuk tempoh sehingga 2005.

(END)